



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERKEMBANGAN PULAU SEBATIK (MALAYSIA)
SELEPAS PERJANJIAN LONDON
1824 SEHINGGA 1990**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

LASMI BINTI LUKITO

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERKEMBANGAN PULAU SEBATIK (MALAYSIA) SELEPAS PERJANJIAN
LONDON 1824 SEHINGGA 1990**

LASMI BINTI LUKITO



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

√

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **12 NOVEMBER 2024**

i. Perakuan Pelajar

Saya, **LASMI BINTI LUKITO (M20221000777) FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN** Dengan Ini Mengaku Bahawa Disertasi/Tesis Yang Bertajuk **PERKEMBANGAN PULAU SEBATIK (MALAYSIA) SELEPAS PERJANJIAN LONDON 1824 SEHINGGA 1990** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

LASMI LUKITO

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF. DR. ISHAK BIN SAAT** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PERKEMBANGAN PULAU SEBATIK (MALAYSIA) SELEPAS PERJANJIAN LONDON 1824 SEHINGGA 1990** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA SASTERA.**

12/11/2024

Tarikh


Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **PERKEMBANGAN PULAU SEBATIK (MALAYSIA) SELEPAS
PERJANJIAN LONDON 1824 SEHINGGA 1990**

No. Matrik /Matric's No.: **M20221000777**

Saya / I : **LASMI BINTI LUKITO**
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

- SULIT/CONFIDENTIAL** Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
- TERHAD/RESTRICTED** Mengandungi maklumat terhadap yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*
- TIDAK TERHAD/OPEN ACCESS**

LASMI LUKITO

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 12/11/2024


PROF. DR. ISHAK BIN SAAT
 JABATAN SEJARAH
 FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
 UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
 (Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
 & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebadan dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah saya panjatkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Ilahi. Dengan izin dan limpahan rahmat daripada Allah SWT, disertasi ini dapat disiapkan dengan sebaiknya. Ucapan jutaan terima kasih kepada Penyelia Akademik saya, Prof. Dr. Hj. Ishak Saat dan Dr. Yunus Sauman@ Sabil yang banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan, pandangan, kritikan serta cadangan dalam menyiapkan disertasi ini. Segala penat lelah dan sokongan moral Prof. Dr. Hj. Ishak Saat sepanjang pengajian amat saya hargai. Tidak lupa juga sokongan dan pertolongan daripada kakitangan Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI, kakitangan Perpustakaan Negeri Sabah, kakitangan Arkib Negeri Sabah dan Arkib Negara Malaysia serta kakitangan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan Perpustakaan Universiti Sultan Idris. Terima kasih atas tunjuk ajar dan kerjasama yang diberikan dalam usaha menyiapkan disertasi ini. Terima kasih juga kepada pihak Bahagian Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang memberi peluang dan ruang serta kepercayaan kepada saya dalam melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dengan pembiayaan penuh Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) di bawah Program Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP). Sekalung penghargaan juga buat suami yang disayangi Encik Kadri Yansah Kariming dan anak yang disayangi Ainul Mardhiyah Kadri Yansah serta ibu dan ayah bersama keluarga, atas sokongan kewangan, ketelusan doa dan kekuatan dorongan yang tidak pernah lekang sepanjang dua tahun pengajian. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan Cik Siti Radzia Ramlee dan Puan Siti Nor Hamidah Abu Bakar atas kerjasama dan keprihatinan sepanjang kebersamaan dalam melalui kehidupan sebagai seorang pelajar sarjana. Semoga disertasi yang dihasilkan ini dapat memberi manfaat kepada para pencinta ilmu sejarah.





ABSTRAK

Kajian ini tentang perkembangan Pulau Sebatik (Malaysia) selepas Perjanjian London 1824 sehingga 1990. Kesan daripada termeterainya Perjanjian London mengakibatkan pulau ini ditadbir oleh dua negara yang berbeza yang membabitkan dua kuasa kolonial, iaitu British dan Belanda, berkaitan pembahagian sempadan kuasa pentadbiran. Perselisihan sempadan yang mengaitkan Pulau Sebatik mencapai kata sepakat melalui Konvensyen London yang ditandatangani pada 29 Jun 1891 telah menjadikan satu pulau dengan dua pentadbiran yang berbeza. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan sumber primer dan sekunder. Sumber primer diperoleh di Arkib Negeri Sabah seperti Colonial Office (CO), Annual Report, Fail Land Office dan akhbar British North Borneo Herald. Manakala sumber sekunder seperti buku dan artikel diperoleh daripada perpustakaan. Dapatan kajian yang diperoleh membuktikan sememangnya berlaku perkembangan dalam masyarakat yang mendiami Pulau Sebatik bermula tahun 1900. Perkembangan yang berlaku di Pulau Sebatik, Malaysia masih berada pada tahap yang sederhana walaupun dilihat terdapat kemudahan asas bagi menampung keperluan penduduk di 15 buah kampung yang terdapat di pulau berkenaan. Situasi ini dilihat berkembang agak perlahan berbanding perkembangan yang berlaku di Pulau Sebatik, Indonesia yang berkembang secara pesat dan maju. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa Pulau Sebatik, Malaysia masih memerlukan bantuan dana daripada pihak berkuasa tempatan agar kemajuan di sini dapat dibina dengan baik walaupun ianya berada di sebuah pulau yang jauh dari sistem pentadbiran pusat. Implikasinya, kajian ini sangat penting khususnya kepada masyarakat umum dalam memahami sejarah tempatan serta pihak berkuasa tempatan dalam merancang pembangunan bagi kemudahan masyarakat di kawasan Pulau Sebatik, Malaysia secara khususnya.





THE DEVELOPMENT OF SEBATIK ISLAND (MALAYSIA) AFTER THE TREATY OF LONDON 1824 TO 1990

ABSTRACT

This study focuses on the development of Sebatik Island (Malaysia) from the London Agreement of 1824 until 1990. The signing of the London Agreement resulted in the island being administered by two different countries, involving two colonial powers, namely Britain and the Netherlands, in relation to the division of administrative boundaries. The border dispute involving Pulau Sebatik was resolved through the London Convention on 29 June 1891, which resulted in one island with two separate administrations. The research method used is qualitative approach based on primary and secondary sources. Primary sources are obtained from the Sabah State Archives such as the Colonial Office (CO), Annual Report, Land Office File, and the British North Borneo Herald newspaper. While the secondary source such as books and articles are obtained from the library. The findings of the study prove that there is indeed a development in the community that inhabits Sebatik Island from 1900. Developments on Sebatik Island, Malaysia are still at a moderate level even though there are basic facilities to meet the needs of the residents of the 15 villages on the island. This situation is seen to be developing quite slowly compared to the development taking place on Sebatik Island, Indonesia which is growing rapidly and is advanced. In conclusion, this study shows that Sebatik Island, Malaysia still needs financial assistance from local authorities so that progress here can be built well even though it is on an island far from the central administrative system. The implication is that this study is very important especially to the public in understanding local history as well as local authorities in planning development for community facilities in the Sebatik Island area, Malaysia in particular.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Tujuan Kajian	6
1.4 Permasalahan Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Objektif Kajian	11
1.7 Skop Kajian	11
1.8 Kepentingan Kajian	12
1.9 Metodologi Kajian	14
1.9.1 Kajian Kepustakaan	14
1.9.2 Kajian Lapangan	15
1.9.3 Temu bual	15
1.10 Ulasan Kajian Terdahulu	16
1.10.1 Perjanjian London	17

1.10.2	Sejarah Awal Pulau Sebatik	18
1.10.3	Pentadbiran Pulau Sebatik, Malaysia	19
1.10.4	Sosioekonomi Pulau Sebatik, Malaysia	20
1.10.5	Hubungan di antara Pulau Sebatik (Malaysia-Indonesia)	24
1.11	Definisi Istilah	32
1.11.1	Sosioekonomi	32
1.12	Pembahagian Bab	33
1.12.1	Bab 1	33
1.12.2	Bab 2	34
1.12.3	Bab 3	34
1.12.4	Bab 4	35
1.12.5	Bab 5	35
1.12.6	Bab 6	36
1.13	Penutup	37

BAB 2 LATAR BELAKANG PULAU SEBATIK

2.1	Pengenalan	39
2.2	Latar Belakang Pulau Sebatik	45
2.3	Profil Pulau Sebatik	64
2.3.1	Pulau Sebatik Wilayah Utara	82
2.3.2	Pulau Sebatik Wilayah Selatan	86
2.4	Rumusan	96

BAB 3 PERKEMBANGAN PULAU SEBATIK MALAYSIA, 1824 HINGGA 1963

3.1	Pengenalan	99
3.2	Pentadbiran Pulau Sebatik	100
3.2.1	Faktor Termeterainya Perjanjian London 182	101
3.3	Pentadbiran Daerah Tawau, Sabah (1881-1941)	113
3.3.1	Pentadbiran Pulau Sebatik Wilayah Malaysia	139
3.4	Rumusan	152

BAB 4 PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI PULAU SEBATIK MALAYSIA, 1963–1990

4.1	Pengenalan	153
4.2	Latar Belakang Ekonomi	155
4.2.1	Perdagangan	158
4.3	Latar Belakang Sosial	176
4.3.1	Kemudahan Asas	178
4.3.2	Kemudahan Air Terawat	186
4.3.3	Bekalan Elektrik	189
4.4	Sistem Pendidikan	190
4.5	Keselamatan dan Kesihatan	202
4.5.1	Keselamatan	202
4.5.2	Kesihatan	205
4.6	Rumusan	208

BAB 5 CABARAN PULAU SEBATIK, MALAYSIA

5.1	Pengenalan	211
5.2	Cabaran di Pulau sebatik, Malaysia	213
5.2.1	Hubungan Politik Malaysia-Indonesia	213
5.2.2	Konfrontasi Malaysia-Indonesia (1963–1966)	215
5.2.3	Pos Lintas Batas	218
5.2.4	Sosek Malindo	220
5.3	Cabaran Ekonomi	229
5.3.1	Perdagangan Secara Haram	229
5.4	Cabaran Sosial Masyarakat	232
5.4.1	Kebajikan Penduduk	232
5.4.2	Kepincangan Sistem Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan	233
5.5	Rumusan	235

BAB 6 PENUTUP

6.1	Penutup	237
-----	---------	-----

RUJUKAN	244
----------------	-----

LAMPIRAN	253
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Pengagihan Wilayah Pemerintahan Kabupaten Nunukan	74
2.2	Peratus Bumiputera dan Non-Bumiputera Pulau Sebatik	81
2.3	Profil dan Keluasan Kampung di Pulau Sebatik, Malaysia	83
2.4	Profil Penduduk dan Rumah dan Rumah di Pulau Sebatik, Malaysia	85
2.5	Keluasan Wilayah Kecamatan di Kabupaten Nunukan, 2008	89
2.6	Jumlah Penduduk Mengikut Jantina Kab. Nunukan, 2010	90
3.1	Peraturan Pemerintah Indonesia	147
4.1	Perbandingan Penduduk Sabah dan Masyarakat Bugis	157
4.2	Nilai Barter Trade melalui BIMP-EAGA, Tawau	173
4.3	Nilai Barter Trade Indonesia-Tawau di Pusat Barter Trade Tawau	174
4.4	Jumlah Kutipan Hasil Cawangan Barter Trade, Tawau	175
4.5	Jumlah Duti melalui Barter Trade Tawau, 1998-2005	176
4.6	Jumlah Warganegara Indonesia Mengunjungi Tawau dan Jumlah Warganegara Malaysia mengunjungi Sebatik, Indonesia	183
4.7	Populasi Penduduk Pulau Sebatik Tawau, 2016	185
4.8	Bilangan Sekolah di Pulau Sebatik Tawau, 2020	192
4.9	Pencapaian UPSR SK Mentadak Baru, 2018	197
4.10	Trend GPN SPM Peringkat Negeri Sabah	201

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Peta Pulau Sebatik	41
2.2	Wilayah Sempadan Pulau Sebatik Malaysia dan Indonesia	46
2.3	Peta Pulau Sebatik yang terletak di sebelah Pulau Borneo	48
2.4	Rumah Satu Pulau Dua Negara	50
2.5	Plan Penentuan Garis 4° 10' di Pantai Timur Borneo	54
2.6	Rumah Perbatasan Patok 3	55
2.7	Provinsi Kalimantan Utara, Indonesia	59
2.8	Besluit bertarikh 29 Januari 1890	61
2.9	Dokumentasi Surat Raja Kutai	63
2.10	Peta Malaysia	65
2.11	Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 1980	67
2.12	Anggaran Penduduk Negeri Sabah, 2019	68
2.13	Peta Indonesia	70
2.14	Peta Provinsi Kalimantan Timur, 2003	72
2.15	Lokasi kampung di Pulau Sebatik	82
2.16	Wilayah Pentadbiran Kecamatan Pulau Sebatik	87
2.17	Airstrip Project di Kawasan Kalimantan	88
2.18	Peta Pulau Kalimantan (Kaart Van get Eyland Borneo)	92

2.19	Surat Timbang Terima Penggabungan Kalimantan Timur	93
2.20	Bahagian Awal dan Akhir Undang-Undang Nomor 25,1956	94
3.1	Treaty between His Britannic Majesty- The King of the Netherlands	102
3.2	Terjemahan Perjanjian Belanda 1824	103
3.3	Peta pembahagian kawasan dan pangkalan, British-Belanda	105
3.4	Map on the State of North Borneo, 1847	117
3.5	The Central East Coast of Borneo, 1857	119
3.6	Tawau, 1878	120
3.7	Surat Sultan Boeloengan (Bulungan)	122
3.8	Ekstrak daripada Peta 1899	123
3.9	Borneo Utara pada tahun, 1905	125
3.10	Tawau pada tahun 1900	127
3.11	North Borneo 1959	133
3.12	Daerah Tawau, 1964	134
3.13	Proclamation of Malaysia, 16 September 1963	137
3.14	Tawau from the Wharf at low tide, 1950	141
3.15	Port of Tawau Shipping Copra, 1950	142
3.16	Terminal Feri Tawau	144
3.17	Desa Sebatik bahagian Selatan, wilayah Indonesia	145
3.18	Lakaran kedudukan Kg.Sg.Haji Kuning /Desa Sei Aji Kuning	149
3.19	Jambatan Kg. Sg. Haji Kuning/Desa Sei Aji Kuning.	150

3.20	Patok 1; Penanda sempadan (paling timur) terletak di sempadan Indonesia-Malaysia yang berada di Pulau Sebatik	151
4.1	Perjanjian Sempadan Malaysia-Indonesia, 1970	160
4.2	Kawasan Pelabuhan Tawau	162
4.3	Pelabuhan Tawau pada tahun 1930	163
4.4	Pembinaan Jeti di Pelabuhan Tawau, 1949.	165
4.5	Pelabuhan Tawau (Pandangan dari arah Jeti Kg.Sg.Tamang, Pulau Sebatik)	168
4.6	Jeti Kampung Sungai Tamang	169
4.7	Jeti Kampung Mentadak Baru	170
4.8	Kedai Runcit di Jeti Kampung Mentadak Baru	171
4.9	Kecamatan Sebatik, Indonesia	182
4.10	Maklumat Asas Pendidikan di Tawau, 2020	191
4.11	Tabika Kemas Kg. Sungai Tamang	193
4.12	Prasekolah SK Mentadak Baru	194
4.13	SK Mentadak Baru, Kg. Mentadak Baru	195
4.14	SMK Wallace Bay sebelum tahun 1993	198
4.15	SMK Wallace Bay selepas tahun 1993	199
4.16	Balai Polis lama yang terletak di Kampung Wallace Bay	203
4.17	Balai Polis baharu yang berada di Kg. Mentadak Baru	204
4.18	Pondok Hospital Tawau yang dibina pada tahun 1924	206
4.19	Klinik Kesihatan di Kg. Mentadak Baru	208
5.1	Jenis Patok Perbatasab Indonesia – Malaysia	219
5.2	Organisasi KK-SOSEK MALINDO	222
5.3	Pelabuhan Tunon Takan, Nunukan	225

5.4	Projek pembinaan PLBN, Desa Sei Pancang	227
5.5	PLBN yang telah siap dibina	228

SENARAI SINGKATAN

BNBC	British North Borneo Company
BNBCC	British North Borneo Chattered Company
BNBH	British North Borneo Herald
BNI	Bank Nasional Indonesia
BRI	Bank Rakyat Indonesia
KALTARA	Kalimantan Utara
KAL-TIM	Kalimantan Timur
KTP	Kartu Tanda Penduduk
LRA	Loji Rawatan Air
MPT	Majlis Perbandaran Tawau
NBT	North Borneo Timber
OBP	Outstanding Boundary Problems
PLB	Pas Lintas Batas
PLBN	Pusat Lintas Batas Negara
PPM	Pasukan Polis Marin
PUSKESMAS	Pusat Kesihatan Malaysia
SBBU	Syarikat Berpiagam Borneo Utara
SBBU	Syarikat Berpiagam Borneo Utara
SMJ	Sabah Maju Jaya
ST	Sebatik Timur
Ste	Sebatik Tengah
SU	Sebatik Utara



SENARAI LAMPIRAN

- A Peta Tawau dan Pulau Sebatik
- B Balai Polis di Kg. Wallace Bay, Pulau Sebatik Malaysia
- C Penyelidik dan AJK, Kg. Mentadak Baru
- D Balai Raya yang terletak di Kg. Wallace Bay
- E Situasi di Pelabuhan Tawau pada hari ini
- F Kawasan Perumahan di Desa Sg. Nyamuk, Kabupaten Nunukan
- G Temu bual bersama Puan Hajerah (pemilik rumah Patok 3)
- H Penyelidikan di Arkib Negeri Sabah
- I POLSEK (Ibu Pejabat Polis) yang berada di Pulau Sebatik, Timur
- J Temu bual bersama Prof Wan Shawaluddin Wan Hassan, Pensyarah Jabatan Sejarah, UMS. (Penulis Buku; Pulau Sebatik, Pulau Dua Negara Yang Terpinggir di Malaysia)



BAB 1

PENDAHULUAN

Pulau Sebatik merupakan salah sebuah pulau yang menarik untuk dikaji dan terletak di daerah Tawau¹ Sabah pada bahagian utara yang dikongsi bersama Kabupaten Nunukan di Kalimantan Timur² pada bahagian selatan (kini dimasukkan ke dalam Provinsi Kalimantan Utara). Pernyataan yang sering menjadi perbualan dalam kalangan masyarakat ialah, “Satu Pulau, Dua Negara” sememangnya meletakkan pulau ini

¹ Tawau terletak di bahagian selatan Sabah berdekatan dengan sempadan Malaysia-Indonesia. Pada tahun 1880-an, kerajaan Belanda di Indonesia telah membuat beberapa percubaan untuk membawa kawasan ini berada di bawah pemerintahannya. Pada zaman pembentukan Malaysia, iaitu semasa Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia, Tawau menjadi kawasan aktiviti Militer Indonesia. Kerajaan Syarikat Berpiagam Borneo Utara British tidak dapat menetapkan hak milik pemerintahannya terhadap kawasan ini sehingga pada penghujung abad ke-19. Sumber; Arkib Negeri Sabah (ANS).

² Kalimantan Timur merupakan provinsi yang paling luas di Indonesia dengan memiliki keluasan sebesar 21.144.000 ha dan keluasan perairannya sebesar 13.536.000 ha. Panjang pantainya tidak kurang daripada 1.185 km persegi dan dihiasi lebih 155 buah pulau-pulau kecil. Ahmad Syafei Sidik. *Antara Pendekatan Pengelolaan Wilayah Pesisir Terpadu dan Sustainable Livelihoods untuk Transformasi Sosial Masyarakat Pesisir Kalimantan Timur, Dalam Transformasi Sosial Masyarakat Pedesaan dan Pesisir Borneo-Kalimantan : Isu-isunya Jilid 3*. Samarinda : Universitas Mulawarman.2008.hlm3.



menarik untuk diketengahkan bagi membuka satu lagi dimensi peristiwa sejarah yang membawa kepada penonjolan fakta yang sahih dan berkualiti. Keunikan Pulau Sebatik dapat dilihat dengan jelas melalui kewujudannya yang dikongsi bersama di antara negara Malaysia dan Indonesia dengan hanya dipisahkan oleh satu garis sempadan antarabangsa yang panjang dan lurus.³ Namun begitu, hubungan penduduk yang tinggal di pulau ini sangat akrab sehinggakan terdapat sebuah rumah yang terletak di atas garis sempadan di mana dapur rumah tersebut berada dalam kawasan negara Indonesia, manakala bahagian ruang tamunya pula berada dalam kawasan negara Malaysia.⁴

Wilayah yang terletak di dalam kawasan Malaysia mempunyai keluasan 03°15'00" LU dan 155°33'00" LS, berserta 4°09'24.9" LU, 117°47'45.1" BT.⁵ Ini menunjukkan Pulau Sebatik memiliki keluasan 452.4-kilometer persegi (km) dengan pembahagian sebanyak 204.7 km bagi wilayah Malaysia pada bahagian utara, dan sebahagiannya sebanyak 247.7 km adalah milik Indonesia pada bahagian selatan.⁶

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian terhadap Pulau Sebatik ingin diketengahkan berikutan pada 19 Ogos 2022 baru-baru ini, timbul isu perbatasan yang sering menjadi tajuk utama dalam perbincangan

³ Ramli Dollah dan Ahmad Sahide. *Pulau Sebatik: Khabar dari Periphery*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.2012.hlm.2. Lihat juga; Utusan Malaya, 4 Januari 2014. Sumber; ANS.

⁴ Temu bual bersama pemilik rumah unik, Encik Anuar Patagang, 50 tahun, dalam Laporan Khas, Utusan Malaya, 4 Januari 2014. Sumber; ANS. Menurut beliau, sepanjang 30 tahun beliau bersama isteri dan sembilan orang anak mereka, tinggal di kawasan Pulau Sebatik wilayah Indonesia. Beliau sendiri mempunyai kerakyatan sebagai warganegara Malaysia, namun memilih untuk tinggal menetap di negara jiran, Indonesia atas faktor ekonomi.

⁵ Nugroho Eko Putro. *Pengembangan Pusat Perdagangan Wilayah Perbatasan Negara di Pulau Sebatik Provinsi Kalimantan Utara*. Kota Malang: Universitas Kanjuruhan Malang.2016.hlm.2.

⁶ *Utusan Malaya*.04 Januari 2014.





Malaysia dengan negara Indonesia. Isu tersebut timbul dan dibahas dalam *Forum Kerjasama Malaysia- Indonesia*. Forum ini telah membahaskan tentang garisan perbatasan antarabangsa kedua-dua negara Malaysia dan Indonesia.⁷

Bertitik tolak daripada forum inilah, kajian yang lebih luas dan terperinci ingin dilaksanakan bagi melihat sendiri seterusnya meneliti serta menganalisis keadaan yang berlaku di Pulau Sebatik rentetan daripada satu perjanjian yang dimeterai oleh kolonial Barat iaitu pihak British dan Belanda pada tahun 1824, yang akhirnya membahagikan Pulau Sebatik menjadi dua wilayah. Penyelidikan yang akan dijalankan berfokus kepada sejarah perkembangan masyarakat Pulau Sebatik bermula tahun 1824 yang menjadikan pulau ini satu tumpuan oleh dua kuasa kolonial Barat pada ketika itu, sehinggalah tahun 1990 bagi mengkaji kronologi perkembangan Pulau Sebatik dalam



Pulau Sebatik dimulakan sejarahnya oleh masyarakat yang berbangsa Tidung yang dipanggil sebagai Orang Tidung.⁸ Terdapat dua gelombang kaedah migrasi (penghijrahan) Orang Tidung yang berada di pulau ini. Penghijrahan orang Tidung yang berasal dari daerah Sungai Sebuku merupakan gelombang pertama ke sini.⁹ Buktinya, penemuan kuburan tua di Kampung Sekapuk dan Lapeo oleh masyarakat setempat. Kuburan yang berada berdekatan dengan hutan mangrove di pinggir pantai itu, ditemui pada tahun 1836 dan digelar oleh penduduk kampung sebagai Makam Tua.¹⁰

⁷ Akhbar Liputan Enam. (Terbitan pada 21 Ogos 2022). *Indonesia-Malaysia Berembuk Bahas Garis Perbatasan dan Pulau Sebatik*. Kota Bandung: Indonesia. Diakses pada 06 Oktober 2022.

⁸ Maksud perkataan Tidung adalah merujuk kepada gunung. Lihat; Ahmad Muthohar. *Islam Dayak: Dialektika identitas Dayak Tidung di Pulau Kalimantan*. Semarang: Fatawa Publishing. 2015. hlm.137.

⁹ Usman Idris. *'Belimpun Taka Tugas, Insui Taka Tapu': Orang Tidung, Marginalisasi dan Perlawanan di Pulau Sebatik, Nunukan*. Papua: Universitas Cenderawasih. 2017. hlm.137.

¹⁰ *Ibid.*





Seterusnya, bukti penemuan sebuah kerajaan Tidung di Tarakan yang pada ketika itu berada di bawah pemerintahan Datuk Adil (1896-1916), merupakan gelombang kedua. Kerajaan ini dikenali sebagai Kerajaan Tenggara. Sebanyak lima pulau telah dikuasai sebagai wilayah kedaulatan Kerajaan Tenggara ini, iaitu Pulau Sebatik, Pulau Mandul, Pulau Tarakan, Pulau Nunukan dan Pulau Bunyu yang juga berada dalam wilayah Kalimantan. Ketika itu, sebuah perkampungan yang dikenali sebagai Desa Setabu diwujudkan atas perintah Datuk Adil pada akhir tahun 1899.¹¹

Selain itu, penduduk kampung lain di Pulau Sebatik juga menemui satu lagi penemuan sejarah berkaitan pulau ini. Buktinya, pada tahun 1900 penduduk kampung dipercayai ingin membuka sebuah perkampungan di sekitar Pulau Sebatik. Disebabkan itu, mereka terlebih dahulu memohon perkenan daripada Sultan Bulungan.¹² Lalu Sultan memperkenankan permohonan penduduk kampung berkenaan namun dengan dua syarat yang perlu dipatuhi iaitu, syarat pertama adalah melantik seorang wakil bagi penduduk kampung dalam urusan memandikan jenazah ketika berlaku kematian dan syarat kedua pula, penduduk kampung harus mempunyai wakil dalam kalangan mereka yang mahir dalam perbidanan bagi memudahkan urusan menyambut kelahiran bayi.

Tambahan lagi, ketika penyelidik melakukan kajian ke Pulau Sebatik wilayah Indonesia, didapati terdapat sebuah kampung atau desa, iaitu Desa Setabu yang dikatakan telah dibuka pada tahun 1913 oleh Orang Tidung di sini. Desa ini diketuai oleh seorang ketua kampung yang dilantik oleh penduduk tempatan yang dipanggil

¹¹ Kahar Manding (73 tahun), orang tertua di Pulau Sebatik. Temu bual dijalankan pada 14 November 2022.

¹² Temu bual bersama Mosli Tarsat, Pensyarah Kanan di Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, dalam *Akhar Utusan Malaysia*, pada 04 Januari 2014. Sumber; ANS.





sebagai Ketua Kampung Sulaeman yang sememangnya berbangsa Tidung dan merupakan penduduk terawal di sini.¹³ Penduduk di desa ini mempercayai bahawa Orang Tidung yang menjadi orang terawal tinggal dan membina penempatan di pulau berkenaan berikutan penghijrahan mereka beramai-ramai dari wilayah Kalimantan.

Asasnya Pulau Sebatik ini telah mengalami pembahagian dari segi pemilikan pentadbirannya bermula tahun 1824 apabila pihak kolonial British dan Belanda bersetuju untuk membahagikan wilayah jajahan masing-masing di kawasan Timur bagi mengelakkan pertikaian kawasan perdagangan di timur. Ekoran daripada pembahagian ini menerusi Perjanjian London 1824, (berikutan ketiadaan kata sepakat yang dominan bagi penetapan garis sempadan di antara dua kuasa, British dan Belanda) sekali lagi pada tahun 1891, pihak British dan Belanda bersepakat untuk duduk bersama dalam sebuah konvensyen bagi memperbaiki dan menegaskan intipati perjanjian sebelum ini. Konvensyen tersebut dikenali sebagai Konvensyen London. Walau bagaimanapun, sekali lagi perjanjian ini diperbaiki dan diubahsuai bagi menepati permintaan di antara dua kuasa ini khususnya yang melibatkan kawasan Borneo pada tahun 1915. Perjanjian ini diubah kepada Protokol London bagi mengelakkan pemusatan perdagangan antara dua kuasa kolonial tersebut. Akhirnya, dalam konvensyen ini, pihak British dan Belanda sepakat menetapkan batas wilayah laut dan darat antara kedua-dua kuasa Barat terbabit adalah berada pada garis 4°10' Lintang Utara, yang membahagikan Pulau Sebatik utara menjadi wilayah British manakala Pulau Sebatik bahagian selatan pula termasuk dalam wilayah Belanda.

¹³ Andi Paisal bin Andi Manurungge, Ketua Desa Sei Taiwan, Sebatik Utara, Kabupaten Nunukan, Kalimantan Timur, Indonesia. Temu bual dijalankan pada 14 November 2022.





Oleh yang demikian, setelah memahami keadaan ini, satu kajian sejarah yang lebih luas dan terperinci ingin dilaksanakan bagi melihat sendiri dan seterusnya meneliti serta menganalisis keadaan yang berlaku di Pulau Sebatik pada masa kini yang telah mengalami perkembangan yang ketara implikasi daripada siri perjanjian yang telah dimeterai oleh pihak British dengan Belanda sejak tahun 1824. Hasilnya, Pulau Sebatik terbahagi menjadi dua wilayah pentadbiran walaupun dalam sebuah pulau yang sama dengan memiliki budaya serumpun yang hampir serupa. Lantas, penyelidikan yang akan dijalankan ini adalah berfokus kepada sejarah perkembangan masyarakat Pulau Sebatik bermula tahun 1824, sehingga tahun 1990, bagi menunjukkan perkembangan selama dua abad Pulau Sebatik ini.



Tujuan kajian berkaitan Pulau Sebatik ini dijalankan adalah untuk meneliti, meninjau seterusnya menganalisis sejarah perkembangan masyarakat di Pulau Sebatik selepas Perjanjian London 1824 sehingga tahun 1990. Dengan melihat latar belakang kajian ini, didapati bahawa pulau ini adalah sebuah pulau yang dikongsi oleh dua negara yang berbeza, di mana pada bahagian utara pulau ini ditadbir secara langsung oleh kerajaan Malaysia yang bercorak demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan, manakala pada bahagian Selatan pulau ini pula ditadbir urus oleh negara Indonesia yang mengamalkan corak pentadbiran berbentuk demokrasi republik.

Dari segi pemerhatian ini, dapat dinyatakan dalam tinjauan awal, bahawa sejak kemerdekaan kedua-dua negara berkenaan iaitu Malaysia yang mendapat kemerdekaan





pada 31 Ogos 1957, disusuli dengan penubuhan gagasan Malaysia (kemasukan Sabah, Sarawak dan Singapura) pada 16 September 1963¹⁴, manakala negara Indonesia pula mendapat kemerdekaan secara rasmi pada 17 Ogos 1945, sehingga kini pulau ini dilihat tidak terlepas dengan konflik politik, ekonomi mahupun sosial yang melibatkan penduduk tempatan kedua-dua negara.

Oleh itu, penelitian secara terperinci dengan mengikuti fakta kronologi peristiwa bagi setiap tahun bermula dengan peristiwa termeterainya sebuah perjanjian yang dilakukan oleh pihak British dan Belanda pada tahun 1824, kemudian sejarah kewujudan perkampungan di pulau ini pada awal tahun 1900 sehinggalah abad ke-20 apabila dua negara pemilik pulau berkenaan memperoleh taraf kemerdekaan masing-masing. Oleh yang demikian, perlunya satu kajian yang khusus bagi menilai seterusnya meneliti sejauh mana perkembangan masyarakat di Pulau Sebatik mampu menyumbang kepada pembangunan negara Malaysia khususnya dan negara Indonesia secara amnya.

Penelitian awal oleh penyelidik, mendapati bahawa terdapat perkembangan yang lebih mapan, efisien dan dinamik telah dilaksanakan di kawasan Pulau Sebatik jajahan Indonesia, sebaliknya penelitian ini tidak dilihat bergerak seiring di kawasan Pulau Sebatik wilayah Malaysia ekoran sistem pentadbirannya mengakibatkan perkembangan masyarakat di bahagian utara Pulau Sebatik dilihat berlaku agak perlahan berbanding di kawasan selatan pulau tersebut. Buktinya, sebagaimana kajian yang dilakukan oleh beberapa penyelidik daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS)

¹⁴Nik Anuar Nik Mahmud. *Biografi Abdul Razak*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 2011. hlm. 211.





berkaitan Pulau Sebatik Malaysia dengan mengkhususkan pada skop tahun 2016 sehingga tahun 2018 mendapati bahawa:

Pembangunan ekonomi dan sosial serta fizikal di Pulau Sebatik, Malaysia memperlihatkan satu elemen pembangunan yang bercorak agak perlahan jika dibandingkan dengan kemajuan sosioekonomi yang dirasai dan dinikmati oleh penduduk kampung Pulau Sebatik Indonesia.¹⁵

Selain daripada kajian yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik berkenaan, masih belum ada lagi kajian susulan mahupun kajian awal yang mengaitkan Pulau Sebatik dengan kesan penjajahan Barat sebagaimana kajian yang dilakukan oleh penyelidik sendiri. Sebilangan besar kajian yang dilakukan lebih memfokuskan perkembangan Pulau Sebatik di bahagian Selatan, wilayah Indonesia. Walaupun terdapat satu kajian yang mengetengahkan tentang perkembangan yang berlaku di Pulau Sebatik, Malaysia, namun kajian ini tidak melibatkan pulau berkenaan dengan kesan pendudukan kolonial Barat khususnya pada abad ke-19 dahulu.

Oleh itu, secara tuntasnya, kajian ini dianggap sangat relevan untuk dilaksanakan berikutan penyelidik sendiri berada di kawasan daerah yang sama terletaknya Pulau Sebatik bahagian utara, iaitu di daerah Tawau. Penyelidik berasa bertanggungjawab untuk melihat, meninjau, meneliti seterusnya membuat kajian sejauh mana perkembangan 15 buah kampung yang terdapat di Pulau Sebatik, Tawau (Malaysia) di samping turut membincangkan secara ringkas berkaitan kemajuan Pulau

¹⁵ Mohammad Faizal Rashid. *Sebatik Bumi Yang Termarginalkan: Suatu Pendekatan Ilmu Pembangunan Sosial*. Dalam *Pulau Sebatik, Pulau Dua Negara Yang Terpinggir di Malaysia*. Yogyakarta: Universiti Muhammadiyah Yogyakarta.2018.hlm.75-76.





Sebatik (selatan), yang berada dalam wilayah Kabupaten Nunukan, Indonesia. Kajian ini juga dapat memberi lonjakan positif dalam membangunkan masyarakat setempat yang tinggal di kawasan perbatasan atau sempadan khususnya di kawasan Pulau Sebatik ini.

1.4 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian utama yang ingin ditonjolkan oleh penyelidik dalam membuat penilaian ke atas Pulau Sebatik ialah bagaimana Pulau Sebatik pada hari ini, rentetan daripada perjanjian yang pernah dimeterai oleh kuasa kolonial sebelum ini. Didapati bahawa, selepas memeterai perjanjian ini, pihak British dan Belanda yang masing-masing sebelum ini memiliki kekuasaan ke atas Kepulauan Borneo dan Kepulauan Sumatera, tanpa menyedari kawasan yang sama akan menjadi milik negara Malaysia dan Indonesia berikutan kedua-dua kuasa kolonial tersebut merupakan penjajah yang menguasai negara terbabit sebelum merdeka.

Rentetan daripada itu, timbul beberapa isu ke atas penduduk tempatan yang tinggal di kawasan Pulau Sebatik Malaysia khususnya yang berkait dengan pembangunan masyarakat berkenaan. Hal ini wujud berikutan dua negara yang berbeza mentadbir sebuah pulau yang sama (hanya dipisahkan dengan garis perbatasan negara. Keadaan ini secara tidak langsung mewujudkan isu rentas sempadan, masalah kerakyatan penduduk perbatasan, kesukaran penyaluran dana pembangunan, masalah penyeludupan barangan, kesukaran pengangkutan dan perhubungan serta masalah mendapat bekalan asas merupakan kesan besar dan mempengaruhi corak





perkembangan di Pulau Sebatik ini. Kesan akhirnya mengakibatkan perkembangan yang berlaku di pulau ini berjalan tidak setara.

Oleh yang demikian, permasalahan kajian yang kedua yang perlu diteliti adalah mengkaji sejauh mana perkembangan yang berlaku di Pulau Sebatik khususnya kawasan wilayah Malaysia setelah menerima kemerdekaan dengan menyertai Gagasan Malaysia pada tahun 1963 sehingga tahun 1990. Berdasarkan sumber lisan penduduk setempat, perkembangan di kawasan Pulau Sebatik wilayah Malaysia ini tidak seiring dengan kemajuan dan pembangunan yang di kecapai oleh masyarakat yang berada di bandar Tawau, bahkan di kawasan Pulau Sebatik wilayah Indonesia walaupun berada dalam satu kawasan kepulauan yang sama. Perkembangan yang tidak lancar ini dilihat mempunyai perkaitan secara tidak langsung daripada peristiwa perjanjian dua kuasa kolonial dahulu yang menetapkan garis sempadan di sini.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang ingin diketengahkan adalah;

1. Apakah faktor yang membawa kepada termeterainya Perjanjian London 1824 di antara pihak British dengan pihak Belanda?
2. Sejauh manakah perkembangan Pulau Sebatik, Malaysia kesan daripada Perjanjian London 1824 sehingga Sabah menyertai gagasan Malaysia pada tahun 1963?



3. Apakah perkembangan yang berlaku di Pulau Sebatik wilayah Malaysia selepas tahun 1963 sehingga tahun 1990?
4. Apakah cabaran yang wujud di Pulau Sebatik, Malaysia?

1.6 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah;

1. Menjelaskan inti pati Perjanjian London 1824 yang membawa kepada pembahagian kuasa ke atas wilayah jajahan pihak Britain dengan pihak Belanda.
2. Mengkaji perkembangan Pulau Sebatik Malaysia bermula tahun 1824 sehingga tahun 1963.
3. Menilai perkembangan Pulau Sebatik bermula tahun 1963 sehingga tahun 1990.
4. Menganalisis cabaran yang wujud di Pulau Sebatik, Malaysia.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian penyelidikan ini dimulakan pada tahun 1824 dan diakhiri pada tahun 1990. Pada tahun 1824 Pulau Sebatik atau dikenali sebagai Sebattik telah mula disebut dalam beberapa inti pati perjanjian di antara dua pihak kolonial iaitu pihak British dan Belanda. Bermula pada tahun tersebut, pulau ini mula dibahagi dua dengan pembahagian garis lurus di tengah-tengah pulau bagi mengelakkan perebutan wilayah



jajahan pada abad ke-19. Tempoh masa kajian dilanjutkan sehingga tahun 1990 bagi melihat perkembangan Pulau Sebatik Malaysia selepas tempoh kemerdekaan sekali gus meneliti sejauh mana pembangunan yang berlaku di pulau ini sebelum abad ke-21.

Skop kajian juga menumpukan pada kawasan kajian di Pulau Sebatik, Malaysia yang merangkumi 15 buah kampung iaitu Kampung Wallace Bay, Kampung Sungai Tamang, Kampung Sungai Tamang Lama, Kampung Rancangan Bergosong, Kampung Bergosong Lama, Kampung Sg. Tongkang, Kampung Sg. Tongkang Lama, Kampung Mentadak Baru, Kampung Mentadak Lama, Kampung Lahat-Lahat, Kampung Lahi, Kampung Sungai Pukol, Kampung Sungai Limau, Kampung Sungai Melayu dan Kampung Sungai Haji Kuning yang terletak di daerah Tawau, Sabah. Sekali gus turut meneliti secara ringkas lima buah Kecamatan di bahagian selatan Pulau Sebatik (wilayah Indonesia) iaitu Sebatik Utara, Sebatik Tengah, Sebatik Barat, Sebatik Selatan dan Sebatik Induk yang berada dalam Kabupaten Nunukan, Kalimantan Utara, Indonesia¹⁶ bagi meneliti cabaran yang wujud di pulau berkenaan.

1.8 Kepentingan Kajian

Melalui penyelidikan ke atas Pulau Sebatik, masyarakat umum akan mengetahui perkembangan masyarakat Pulau Sebatik yang dimiliki bersama-sama antara negara Malaysia dengan Indonesia. Situasi ini dilihat mempunyai perkaitan langsung dengan implikasi yang ditinggalkan oleh pihak Barat ke atas dua negara bekas jajahannya.

¹⁶ Muhamad Hidayanto. *Potensi Ketahanan Pangan Pulau Sebatik sebagai Pulau Kecil Wilayah Perbatasan di Kalimantan Utara. Indonesia: Penerbit Kementerian Pertanian dan Pembangunan.* 2016.hlm.105–106.





Sejarah lampau tidak mampu untuk kita nafikan fakta yang telah tercatat, namun kesan yang wujud pada hari ini, masih boleh kita perbaiki dalam mengubah kelangsungan hidup pada masa akan datang. Dengan adanya kajian terhadap Pulau Sebatik ini, kita akan memahami bahawa persaingan kuasa Barat banyak memberi kesan terhadap perkembangan masyarakat pada abad ini.

Penelitian terhadap konflik politik antara Malaysia-Indonesia tentang isu garis batas dan sempadan memperlihatkan kepada kita bahawa pentingnya penyelidikan ini dilakukan agar kita maklum bahawa kedua-dua negara tersebut sentiasa berusaha memperbaiki hubungan dua hala¹⁷ dalam masa yang sama tidak mengambil kesempatan antara satu sama lain dari sudut pandang politik Malaysia-Indonesia. Keadaan ini turut memberi impak kepada sistem ekonomi negara, berikutan masyarakat akan sedar bahawa pentadbiran yang digalas oleh setiap pemimpin sebenarnya adalah untuk menjaga kepentingan ekonomi negara masing-masing dengan mengambil kira aspek manfaat kepada masyarakat yang tinggal di pulau berkenaan. Implikasinya, kajian ini sedikit sebanyak akan membuka mata pihak yang terlibat agar tidak memandang sebelah mata akan isu 'rakyat di perbatasan'.

Seterusnya dengan terhasilnya penyelidikan ini, penyelidik berharap dapat membantu pihak kerajaan dalam membaik pulih sistem sosial yang wujud di Pulau Sebatik sepanjang tempoh pasca merdeka. Keadaan ini disebabkan, dalam penelitian awal penyelidik didapati sistem sosial masyarakat kawasan Pulau Sebatik kawasan Malaysia masih kurang dibangunkan berbanding kawasan Indonesia. Oleh yang

¹⁷Lihat; *Perjanjian Memulihkan Perhubungan Di antara Republik Indonesia dengan Malaysia*. 11 Ogos 1966. Jabatan Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur. Dalam *Hari Ini Dalam Sejarah (HIDS) Jilid II*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.1981.hlm.93.





demikian, penyelidik mengharapkan agar kajian ini mampu membantu masyarakat tempatan di Pulau Sebatik merasai pembangunan yang lebih baik pada masa akan datang.

1.9 Metodologi Kajian

1.9.1 Kajian Kepustakaan

Kajian ini merupakan kajian sejarah sebagaimana tajuk kajian yang digarapkan oleh penyelidik, Perkembangan Pulau Sebatik, Malaysia selepas Perjanjian London 1824 sehingga tahun 1990. Oleh yang demikian, pendekatan kajian yang digunakan adalah berbentuk penyelidikan secara kualitatif. Penyelidik akan mengenal pasti dan menganalisis sumber dan maklumat secara kritis daripada semua sumber yang diperoleh seperti dokumen rasmi, tesis, kertas kerja, rekod dan buku-buku penulisan yang berkaitan dengan Pulau Sebatik. Bagi memperoleh sumber yang sahih, penyelidik akan melakukan bacaan dan pengumpulan maklumat hasil daripada tinjauan perpustakaan seperti di Perpustakaan Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Jabatan Muzium Negeri Sabah, Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah serta beberapa perpustakaan di beberapa Institut Pengajian Tinggi Awam seperti Universiti Malaysia Sabah, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Malaya.





1.9.2 Kajian Lapangan

Di samping itu, penyelidik juga akan membuat tinjauan dan kerja lapangan ke Pulau Sebatik, Malaysia dan Pulau Sebatik, Indonesia bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan berkualiti. Kajian lapangan ini turut digunakan bagi melengkapkan sumber perpustakaan selain membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang baharu daripada sumber primer mahupun sumber sekunder. Sehubungan dengan itu, penyelidik akan menjalankan kajian secara langsung ke kawasan Pulau Sebatik yang terletak dalam lingkungan kawasan Tawau, Sabah, Malaysia, di samping turut membuat kajian ke lokasi lain di Kabupaten Nunukan, Kalimantan Utara, Indonesia.



1.9.3 Temu bual



Melalui kajian lapangan ini, kaedah temu bual juga digunakan untuk mengumpulkan maklumat oleh penyelidik ialah menemu bual setiap responden yang mempunyai sejarah dan hubung kait terhadap Pulau Sebatik termasuklah ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Sebatik, Tawau, Ketua Kampung, badan Penguat kuasa Marin dan Maritim yang bertugas di perairan Sabah, Ketua Balai Polis, Pentadbiran Sekolah, penduduk kampung, di samping Ketua Kecamatan kawasan Kabupaten Nunukan, pihak Penguat kuasa Kepolisian Indonesia yang bertugas di kawasan patok perbatasan Pulau Sebatik. Kaedah temu bual ini sangat penting bagi mengumpulkan maklumat yang melibatkan interaksi sosial antara individu agar kajian ini lebih berfokus. Kemudian pengkaji akan mentafsir maklumat dan data yang diperoleh kemudian menganalisis setiap sumber bagi menjawab persoalan dan objektif kajian ini.





Seterusnya bagi menghasilkan penulisan yang lebih berkesan, penyelidik juga akan menggunakan kaedah penulisan berbentuk analitikal yang akan menceritakan secara sistematik berkaitan kesan kolonisasi Barat terhadap perkembangan masyarakat di Pulau Sebatik. Melalui kaedah penulisan ini, pengkaji akan mengetengahkan kaedah penceritaan secara kronologi dalam menceritakan semula setiap peristiwa. Pada masa yang sama, penyelidik juga akan memaparkan kaedah penulisan berbentuk objektiviti. Penulisan berbentuk objektiviti ini akan membantu menyingkap, memaparkan dan mendedahkan sesuatu perkara agar mudah difahami. Kaedah ini penting bagi memastikan penghuraian maklumat akan dapat dibuat dengan lebih terperinci.

1.10 Ulasan Kajian Terdahulu



Penyelidikan mengenai kesan kolonial terhadap perkembangan masyarakat di Pulau Sebatik masih kurang dilakukan dengan lebih terperinci dari segi pembangunan sosioekonomi kawasan berkenaan. Hanya terdapat bab-bab penulisan kajian yang menyentuh secara menyeluruh berkaitan isu dan konflik masyarakat yang menetap di kawasan perbatasan atau sempadan antara dua negara, iaitu Malaysia dan Indonesia. Malahan kajian yang dijalankan berkaitan sejarah yang mengakibatkan pemisahan Pulau Sebatik menjadi dua bahagian akibat daripada Perjanjian London 1824, masih terpinggir. Oleh itu, perlunya kajian yang menyeluruh mencakupi aspek perkembangan politik, ekonomi dan sosial yang melibatkan masyarakat Pulau Sebatik ini diimplementasikan pada masa kini. Dalam membincangkan tinjauan kajian lalu, terdapat empat pembahagian tema yang dilakukan bagi menghasilkan rujukan kajian sebelum ini lebih jelas dan tersusun, iaitu tema Perjanjian London, Sejarah Awal Pulau





Sebatik, Pentadbiran Pulau Sebatik, Malaysia dan Sosioekonomi Pulau Sebatik, Malaysia serta Hubungan di antara Pulau Sebatik, (Malaysia-Indonesia).

1.10.1 Perjanjian London

Sebagai latar belakang kajian, terdapat kajian yang telah dijalankan oleh Anthony Reid yang memfokuskan tentang berlakunya Perjanjian London (bagi pihak Britain) atau Perjanjian Netherlands (bagi pihak Belanda) pada tahun 1824. Kajian ini menjelaskan tentang faktor dan kesan perjanjian tersebut terhadap pemilikan tanah jajahan kolonial Barat seperti British dan Belanda. Melalui kajian ini, terdapat bukti yang menyatakan bahawa perebutan wilayah jajahan di kawasan kepulauan Melayu sehingga ke Sumatera dan Betawi menyebabkan dua kuasa Barat ini bertelagah dan akhirnya bersetuju untuk mengadakan pembahagian kuasa ke atas kawasan tertentu agar kebebasan perdagangan dan pemilikan hak tunggal kekal pada setiap pihak dalam mengelakkan konflik persengketaan di samping dapat meraih keuntungan yang berpanjangan.¹⁸

Kajian ini boleh dijadikan sandaran bagi meneliti kesannya terhadap perkembangan politik masyarakat penduduk yang terlibat iaitu rakyat yang hidup di Pulau Sebatik selepas pihak kolonial memberikan kemerdekaan kepada negara Malaysia dan Indonesia. Pembahagian kawasan disambung sehingga hari ini, dan ternyata memberi impak yang besar terhadap perkembangan masyarakat di kawasan berkenaan. Kajian ini tidaklah merangkumi keseluruhan kajian yang akan dijalankan,

¹⁸ Anthony Reid. *The Contest for North Sumatra, Atieh, the Netherlands and Britain, 1858-1898*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.1969.hlm.88





namun mampu memberi rujukan utama kepada penyelidik dalam merungkai kesan-kesan yang wujud akibat daripada pendudukan pihak Barat suatu ketika dahulu terhadap pembangunan yang dilihat pada hari ini khususnya di dua negara yang berjiran ini.

1.10.2 Sejarah Awal Pulau Sebatik

Dalam membincangkan isu perkembangan masyarakat Pulau Sebatik, penyelidik mengambil kajian yang dilakukan oleh Usman Idris sebagai sorotan kajian terdahulu dengan mengambil kira latar belakang masyarakat yang menetap di kawasan pulau berkenaan. Dalam kajian ini, penelitian terhadap masyarakat Sebatik yang berbangsa Tidung, dikatakan merupakan bangsa yang terawal menduduki pulau tersebut. Berdasarkan bukti yang ditemui, Kuburan Tua di Kampung Sekapuk, kawasan Indonesia memperlihatkan bahawa kajian ini penting dalam mengkaji latar belakang masyarakat Pulau Sebatik sejak pulau ini dibuka oleh bangsa Tidung pada tahun 1813 pada gelombang pertama dan 1900 bagi gelombang kedua.¹⁹

Kajian ini meliputi kajian tentang kedatangan orang Tidung ke kawasan Kalimantan Utara dan sekitarnya sehinggalah pembukaan sebuah kampung di situ yang dikenali sebagai Desa Setabu. Peranan orang Tidung termasuklah aktiviti harian yang dijalankan oleh bangsa ini dikaji dan dikupas dengan lebih terperinci dari sudut pandangan sarjana Indonesia. Situasi ini menunjukkan masih terdapat lompong yang

¹⁹ Usman Idris, 'Belimpun taka Tugas, Insuai taka Tapu': *Orang Tidung, Marginalisasi dan Perlawanan di Pulau Sebatik, Nunukan*, dalam ETNOSIA Jurnal Etnografi Indonesia. Vol.2 Edisi 2, Disember 2017. Papua: Universitas Cenderawasih. 2017. hlm. 137-138.





perlu di tambah baik dalam melengkapkan sebuah kajian berkaitan perkembangan masyarakat di kawasan Pulau Sebatik ini berikutan terdapat kajian ini tidak dilaksanakan secara menyeluruh dengan hanya menyentuh aspek peranan satu kaum sahaja yang wujud di Pulau Sebatik, sedangkan dalam penelitian dan pembacaan awal penyelidik, mendapati bahawa, bangsa Bugis dan Bajau juga wujud di pulau ini. Oleh itu, kajian tambahan berkaitan kewujudan kaum lain yang bermastautin di sini perlu diketengahkan sebagai sebuah kajian yang baharu. Namun demikian, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sumber untuk mengetengahkan latar belakang penduduk asal di Pulau Sebatik.

1.10.3 Pentadbiran Pulau Sebatik, Malaysia



Dalam mengetengahkan sistem pentadbiran yang terdapat di Pulau Sebatik, Malaysia, satu kajian yang dijadikan sebagai rujukan oleh penyelidik sebelum ini ialah kajian yang dilakukan oleh Wan Shawaluddin Wan Hassan bersama Amrullah Maraining menerusi perbincangan berkaitan Membangun Wilayah Terpinggir di Perbatasan; Muis Picho dan Pembangunan Pulau Sebatik, Malaysia. Melalui kajian ini, dapat dilihat ulasan yang baik akan sistem pentadbiran di Pulau Sebatik, Malaysia khususnya dibawah kelolaan Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM), kawasan DUN N. 60 Sebatik. Bermula dari era gerak kerja bekas Ketua Menteri Sabah, Dato Seri Panglima Musa Aman yang menitikberatkan akan tugas UPPM sebagai perantara wakil rakyat dengan penduduk setempat.





Kajian ini menunjukkan bahawa UPPM Sebatik memainkan peranan yang cukup besar dalam usaha ke arah memastikan Pembangunan Pulau sebatik bergerak seimbang dengan Pembangunan yang ada di kawasan lain seperti Kalabakan, Merotai dan Tanjung Batu. Seterusnya penyelidik juga menyatakan tentang kepentingan wakil rakyat di kawasan Sebatik, Malaysia bagi kemajuan kampung yang ada di sini. Bermula daripada pentadbiran Dr. Patawari Patawe yang memulakan idea-idea Pembangunan, diteruskan dengan wakil rakyat Muis bin Picho yang menjadi pelaksana akan projek yang tidak dijalankan sebelum ini.

1.10.4 Sosioekonomi Pulau Sebatik, Malaysia

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Ramli Dollah bersama dengan sarjana tempatan yang lain, memfokuskan sebuah kajian berkaitan perkembangan Pulau Sebatik, Malaysia yang dianggap sebagai sebuah pulau yang terpinggir daripada pentadbiran negeri Sabah. Terdapat perbincangan dan ulasan tentang perkembangan sosioekonomi dikupas dengan baik dalam buku ini, namun perbincangan lebih mengetengahkan beberapa contoh pembangunan fizikal, ekonomi serta sosial di Pulau Sebatik pada tahun 2012 tanpa mengaitkannya dengan faktor utama kemunduran yang berlaku sedikit sebanyak berpunca daripada pemisahan pentadbiran dalam satu kawasan akibat Perjanjian London 1824 oleh kolonisasi Barat pada abad ke-19 lalu.

Di samping itu, pembangunan infrastruktur di Pulau Sebatik ini dinyatakan sebagai satu tinjauan ringkas berserta beberapa cadangan dalam membaik pulih sistem yang wujud semasa pentadbiran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sebatik, Muis





bin Picho ketika itu dengan hanya memfokuskan pada beberapa kampung sahaja. Seterusnya perbincangan ini lebih berfokus kepada isu dan cabaran keselamatan daerah sempadan, potensi pulau ini sebagai kawasan pelancongan pada masa akan datang serta saranan penuaian air hujan di sebuah perkampungan iaitu Kg. Wallace Bay bagi membantu memperoleh bekalan air yang efisien di kawasan berkenaan.²⁰

Memandangkan kajian yang digarapkan ini lebih kepada pendapat dan cadangan terhadap pembangunan Pulau Sebatik Malaysia, maka satu kajian lain perlu dilaksanakan bagi melengkapkan kajian yang sedia ada ini melalui perkaitannya dengan kesukaran Pulau Sebatik, Malaysia dimajukan walaupun setelah sekian lama negeri Sabah menyertai gagasan Malaysia. Maka, kajian yang akan dijalankan dapat membantu kajian lalu melalui perbincangan berkaitan perkembangan Pulau Sebatik, Indonesia yang dilihat lebih jauh ke depan pembangunannya. Secara langsung membantu pentadbiran Pulau Sebatik, Malaysia untuk membangunkan sosioekonominya pada masa akan datang.

Selain itu, pada tahun 2021, kajian yang dilakukan oleh Amirah Abdin mengenai aksesibiliti bekalan air bersih dan cabaran keselamatan air di Pulau Sebatik, Malaysia menjadi rujukan kajian terdahulu bagi kajian ini. Disebabkan penyelidikan yang ingin dijalankan oleh penyelidik kini, juga berkaitan dengan perkembangan sosial masyarakat Pulau Sebatik, maka adalah penting untuk memanfaatkan kajian ini sebagai satu lagi sumber rujukan bagi meneliti tahap pembangunan di pulau berkenaan. Dalam penyelidikan ini, menunjukkan isu dan masalah air di empat buah kampung sahaja

²⁰ Ramli Dollah et. *Pulau Sebatik, Pulau Dua Negara yang Terpinggir di Malaysia*. Yogyakarta: Lembaga Penelitian Publikasi dan Pengabdian Masyarakat.2018.hlm.49.





melalui pembinaan sebuah Loji Rawatan Air (LRA) di Kampung Wallace Bay, yang menyalurkan air ke kawasan kampung lain seperti Kampung Mentadak Baru, Kampung Sungai Tamang, Rancangan Bergosong dan Kampung Sungai Tongkang sejak pembinaannya pada tahun 2006. Didapati sebanyak 12.4 juta dibelanjakan bagi pembinaan LRA Wallace Bay di Pulau Sebatik, Tawau ini.²¹

Kemudian pada tahun 2009, peruntukan sebanyak RM24 juta pula digunakan untuk Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) bagi melengkapkan projek retikulasi Loji Air Sebatik Fasa 2. Kajian ini dapat membuktikan bahawa, Malaysia mempunyai usaha dalam menyalurkan dana bagi tujuan pembangunan ke pulau ini agar kelangsungan hidup masyarakat yang berada di kawasan berkenaan dapat dipelihara dengan baik. Walau bagaimanapun, usaha ini dilihat hanya berlaku untuk empat buah kampung sahaja, sekali gus menyetepikan hak penduduk di sembilan buah kampung yang lain. Oleh itu, perkara ini perlu diteliti lagi seperti kajian yang akan dijalankan kelak. Melalui pendedahan akan kekurangan kemudahan asas di sembilan lagi buah kampung yang lain, dapat membantu setiap penduduk di Sebatik Tawau menerima hak yang sama seiring dengan kemajuan negara yang semakin pesat.

Begitu juga kajian oleh Nugroho Eko Putra pada tahun 2016, dijadikan satu lagi sorotan kajian dalam melengkapkan kajian tentang perkembangan masyarakat Pulau Sebatik bermula tahun 1824. Kajian ini membincangkan tentang aktiviti perdagangan yang berlangsung di kawasan Sebatik, Indonesia yang terbahagi kepada lima kecamatan atau daerah. Mengikut tinjauan dan perbincangan yang digarapkan dalam

²¹ Amirah Nordin. *Aksesibiliti Bekalan Air Terawat dan Cabaran Sekuriti Air di Pulau Sebatik, Malaysia*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah. 2021.hlm.31.





kajian ini, didapati bahawa negara Indonesia telah membuka dua lagi kecamatan baharu di kawasan pulau ini bagi daya usaha pengembangan aktiviti perdagangan yang melibatkan kawasan Kabupaten Nunukan.²²

Apabila meneliti kajian ini secara terperinci, penyelidik melihat bahawa usaha negara Indonesia dari sudut pembangunan ekonomi mahupun bidang sosial di kawasan Pulau Sebatik, Indonesia sangat positif. Kajian ini perlu untuk dijadikan sandaran kepada penyelidik sebagai gambaran awal tentang jenis perdagangan yang dijalankan oleh Indonesia di pulau ini serta membantu para penyelidik luar dalam memahami sistem pentadbiran yang dijalankan oleh negara tersebut ke atas kawasan perbatasan atau sempadan.



iaitu aktiviti perdagangan, maka kajian yang lebih meluas perlu diimplementasikan bagi mengetengahkan Pulau Sebatik kepada masyarakat umum. Oleh yang demikian, kajian perkembangan masyarakat penduduk Sebatik merangkumi aktiviti ekonomi seperti pertanian, perkebunan dan aktiviti bersifat kelautan akan dirungkaikan oleh penyelidik bagi memenuhi lompang kekosongan yang masih wujud.

Di samping itu, kajian oleh Abdul Rahim Anuar dijadikan satu lagi kupasan kajian terdahulu yang boleh dijadikan bahan sumber rujukan dalam mengkaji sejarah perkembangan sosial masyarakat Pulau Sebatik sejak diwujudkan sehingga kini. Kajian ini lebih memfokuskan tentang pembangunan ekonomi yang wujud di kawasan

²² Nugroho Eko Putro. *Pengembangan Pusat Perdagangan Wilayah Perbatasan Negara di Pulau Sebatik Provinsi Kalimantan Utara*. Malang: Universitas Kanjaruhun.2016.hlm. 5.





perbatasan antara dua negara yang juga merupakan pemilik Pulau Sebatik. Kajian ini banyak membincangkan aktiviti ekonomi yang berjalan di daerah Tawau sekali gus mempunyai perkaitan dengan Pulau Sebatik, Malaysia kerana berada dalam daerah yang sama, di samping mengutarakan keadaan ekonomi di kawasan Kabupaten Nunukan yang juga merupakan ibu kota Pulau Sebatik bahagian Indonesia.

Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan sedikit sebanyak menyentuh secara langsung kegiatan ekonomi yang dilaksanakan di kawasan Pulau Sebatik ini walaupun ruang lingkup masa hanya sekitar tahun 2010 hingga 2014.²³ Beberapa saranan dan cadangan turut digarapkan oleh pengkaji agar pekan sempadan dapat dibangunkan dengan lebih maju sebagaimana di pekan sempadan yang melibatkan negara Malaysia-Thailand. Disebabkan kajian ini tidak secara terperinci memfokuskan dalam lima buah kecamatan yang ada di kawasan Sebatik, Indonesia, maka kajian yang ingin dipenuhi oleh penyelidik perlu dijalankan agar masyarakat maklum akan sejarah perkembangan masyarakat di Pulau Sebatik bukan sahaja di Indonesia malah termasuklah kawasan Malaysia.

1.10.5 Hubungan di antara Pulau Sebatik (Malaysia-Indonesia)

Kajian oleh Mohamad Rodzi Abd Razak berkaitan Hubungan Ekonomi Malaysia-Indonesia yang memfokuskan dalam ruang masa tahun 1981 sehingga tahun 2003 juga dijadikan sebagai salah satu sorotan kajian dalam meneliti perkembangan masyarakat

²³ Abdul Rahim Anuar. *Rubrik Pembangunan Pekan Sempadan Malaysia-Kalimantan: Tawau-Pulau Nunukan*. Dalam *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*. Vol.1, No.1.Sintok: Universiti Utara Malaysia.2015.hlm.3-6





yang tinggal di kawasan Pulau Sebatik Malaysia-Indonesia. Didapati dalam kajian ini telah menyatakan dengan jelas bahawa setelah Malaysia dan Indonesia meraih kemerdekaan daripada pihak kolonial, kedua-dua negara ini berusaha untuk membangunkan ekonomi negara masing-masing tanpa menyetepikan keperluan ekonomi negara jiran.

Buktinya, pada era pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad, beliau membenamkan kedinginan hubungan antara Malaysia-Indonesia dengan menyertai projek pembangunan ekonomi bersama seperti Pertubuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) yang melibatkan beberapa kawasan di ketiga-tiga negara berkenaan. Salah satu kawasan yang terlibat ialah melibatkan daerah Tawau, Sabah yang terletaknya Pulau Sebatik bersempadan dengan Kabupaten Nunukan, Indonesia.²⁴

Dengan kajian yang dijalankan ini, memberi gambaran awal kepada penyelidik bahawa usaha kerjasama politik dan ekonomi antara negara Malaysia-Indonesia yang juga merupakan negara pemilik Pulau Sebatik, dalam meneliti perkembangan ekonomi yang berlaku di pulau tersebut.

Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan kepada kemajuan dan usaha sama ekonomi yang dijalankan oleh dua negara terbabit, oleh yang demikian, tanpa mengaitkan implikasi yang wujud ini sebenarnya bermula daripada sebuah peristiwa perjanjian yang dimeterai oleh dua kuasa kolonial pada abad ke-19 dahulu. Jika Perjanjian London (1824) dan Konvensyen London (1891) tidak dimeterai oleh pihak Belanda dan British, suda pasti Pulau Sebatik pada hari ini mempunyai sejarah

²⁴ Mohamad Rodzi Abd Razak. *Hubungan Ekonomi Malaysia-Indonesia (1981-2003)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Julai 202.hlm.106.





yang berbeza dari segi perkembangannya. Oleh yang demikian, penyelidikan ke atas pulau ini dengan mengambil kira kesan-kesan peninggalan pihak penjajah dilihat sebagai satu kajian baharu yang dapat membantu pembangunan pulau ini pada hari mendatang.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh sarjana Indonesia, Purnawan Basundoro, berkaitan tentang Pulau Sebatik sebagai Pintu Kecil Hubungan Indonesia-Malaysia menjadi satu lagi latar belakang kajian yang menerima penelitian oleh penyelidik. Kajian ini menggarapkan tentang Pulau Sebatik dari perspektif negara Indonesia. Dinyatakan bahawa, Pulau Sebatik merupakan salah satu pintu masuk dan keluar oleh dua negara yang memiliki pulau tersebut khususnya melibatkan hubungan ekonomi dan isu keselamatan. Perkembangan ekonomi dan sosial yang dibincangkan dalam kajian ini lebih kepada peranan Pulau Sebatik dalam memajukan sistem ekonomi negara Indonesia khususnya kawasan Kabupaten Nunukan, Kalimantan Timur.

Dalam penelitian, kajian berkenaan hanya memfokuskan peranan Pulau Sebatik terhadap hubungan dua hala di antara negara Malaysia dengan Indonesia. Walau pun pada dasarnya hubungan ini telah pun lama wujud iaitu sejak abad ke-19 lagi dan pulau ini sudah sekian lama digunakan sebagai laluan perdagangan oleh pihak Belanda ekoran penjajahannya di kawasan Betawi. Disebabkan faktor ingin menguasai laluan perdagangan inilah, perebutan wilayah sering kali berlaku di antara Belanda dengan British semasa era penjajahan Barat dahulu. Oleh itu, kajian yang akan ditonjolkan membantu kajian lampau untuk meninjau terlebih dahulu asas perhubungan awal yang wujud sebelum ini di Pulau Sebatik tersebut.





Seterusnya dalam membincangkan perkaitan isu kesan penjajahan Barat ke atas sistem ekonomi dan sosial di Pulau Sebatik pada abad ini, satu sorotan kajian yang berhubung kait dengan kajian ini iaitu kajian oleh Ali Maksum yang bertajuk *Isu Pertindihan Wilayah dan Hubungan Indonesia-Malaysia pada Era Pentadbiran Susilo Bambang Yudhoyono yang dijalankan pada tahun 2021*. Menerusi kajian ini, didapati hubungan Malaysia-Indonesia mengalami sedikit ketegangan ekoran ketidakpuasan hati oleh negara Indonesia berkaitan isu pemilikan Pulau Sipadan dan Ligitan yang diklasifikasikan sebagai pulau dalam kawasan Malaysia setelah dibawa perbincangannya ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa di Belanda pada tahun 1997, yang memihak keputusannya kepada negara Malaysia semasa pembentangan pemilikan pada tahun 17 Disember 2002.²⁵



Rentetan daripada peristiwa itu, satu Indonesia mula mengatur strategi untuk

merebut satu lagi pusat sumber ekonomi yang wujud di Pulau Sebatik, iaitu Ambalat. Krisis ini mula tercetus pada tahun 2005 sejurus selepas dua Kapal Perang Indonesia dan Malaysia yang bersama-sama melakukan rondaan di kawasan Ambalat. Perbincangan mengenai ketegangan yang wujud sekali lagi antara dua negara ini menyebabkan aspek sosioekonomi kedua-dua negara yang terbabit menjadi tidak menentu.

Kupasan fakta berserta kajian isu ini penting dalam membincangkan cabaran yang ditempuhi oleh dua negara pemilik Pulau Sebatik dalam kajian baharu. Ini kerana pada asasnya konflik ini lahir daripada penjajahan pihak Barat ekoran perebutan

²⁵ Ali Maksum. *Isu Pertindihan Wilayah dan Hubungan Indonesia-Malaysia pada Era Pentadbiran Susilo Bambang Yudhoyono*. Dalam *Journal of History Department, University of Malaya*.No.30(2) 2021.Yogjakarta: Universitas Muhammadiyah.2021.hlm.156.





wilayah sehingga membawa kepada termeterainya perjanjian untuk kepentingan sendiri. Kesannya, tempiasnya sehingga hari ini dirasai oleh penduduk yang tinggal menetap dalam sebuah pulau, yang terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah perbatasan negara.

Oleh yang demikian, kajian ini boleh dijadikan sumber rujukan bagi menyiapkan salah satu bab yang terdapat dalam kajian Pulau Sebatik. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh sejarawan Indonesia ini masih lagi perlukan kajian yang lebih berfokus seperti mengaitkan keseluruhan perbincangan dengan pembahagian kawasan pulau ini pada era kolonisasi yang lalu agar perkembangan penduduk di sini dilihat mengalami perubahan yang baik dan mapan pada hari ini.



Selain itu, satu lagi kajian terdahulu yang dijadikan sebagai sorotan oleh

penyelidik iaitu sarjana Nik Anuar Nik Mahmud yang bertajuk Konfrontasi Malaysia-Indonesia pada tahun 2009. Kajian ini menggarapkan kronologi peristiwa sejarah yang membabitkan negara Malaysia dan Indonesia pada tahun 1963 hingga tahun 1966 dengan mengambil kira skop tempat kajian adalah di kawasan Kalabakan dan Pulau Sebatik. Terdapat banyak kajian berkaitan konfrontasi yang berlaku antara dua negara ini seperti kajian oleh sarjana Indonesia Sugih Biantoro serta Abdul Rahman bin Mad Ali, namun kajian ini lebih mendalam dan berfokus menyebabkan penyelidik menjadikannya sebagai salah satu lagi sorotan kajian dalam melengkapkan bab yang terdapat dalam kajian ini.

Konflik bermula apabila Tanah Melayu bersama Singapura, Brunei serta Sabah dan Sarawak ingin digabungkan menjadi sebuah entiti politik di bawah pentadbiran





gagasan Malaysia.²⁶ Indonesia yang pada ketika itu di bawah pemerintahan Presiden Soekarno telah membantah sekeras-kerasnya penubuhan ini dengan melancarkan satu serangan ke atas Malaysia di bawah laungan ‘Ganyang Malaysia’ tanpa menyedari bahawa tindakan beliau mengakibatkan dua negara serumpun berdepan dengan peperangan yang meragut nyawa dan amat merugikan. Melihat keadaan ini, kajian berkaitan kesan kolonisasi sememangnya bertepatan dengan implikasi yang telah timbul di mana ekoran tinggalan penjajahan sehingga kini dua negara masih bertelagah dalam apa jua isu pemilikan ke atas sesuatu wilayah yang diragukan hak pemilikannya. Oleh itu kajian ini penting dalam mengupas beberapa konflik yang wujud melibatkan negara Malaysia-Indonesia yang akan dibincangkan dalam salah satu bab kajian penyelidikan.



Setelah meneliti kesemua sorotan kajian yang lepas, penyelidik mendapati

kajian yang wujud sebelum ini lebih memfokuskan satu-satu aspek sahaja sama ada daripada kajian sarjana Malaysia mahupun sarjana Indonesia. Bagi kajian yang dibincangkan oleh sarjana Indonesia, kajian ini lebih dominan kepada isu perbatasan dan isu sempadan yang melibatkan Pulau Sebatik kawasan Indonesia walaupun terdapat juga kajian yang membincangkan tentang kemajuan kawasan tersebut namun tidak secara menyeluruh dengan menyentuh kesemua aspek dalam pembangunan negara.

Bagi tema Perjanjian London yang telah dikupas oleh penyelidik sebelum ini, didapati tidak terdapat kajian yang menyentuh akan hubung kait perjanjian demikian terhadap Tindakan yang diambil oleh pihak colonial khususnya yang melibatkan

²⁶ Nik Anuar Nik Mahmud. *Konfrontasi Malaysia-Indonesia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.2009.hlm.37.





pembahagian kawasan diantara pihak British dengan Belanda. Oleh itu, dengan penyelidikan terbaharu ini, khususnya pada Bab dua kajian ini mengupas secara mendalam akan kesan perjanjian tersebut terhadap kawasan di Malaysia dan Indonesia seperti Pulau Sebatik. Perbincangan yang lebih jelas juga akan retentan setiap siri perjanjian yang diambil oleh pihak colonial sehingga tahun 1891 lebih menjernihkan fakta pada kajian lalu. Sehingga Malaysia dan Indonesia menggapai kemerdekaan, kesan daripada perjanjian oleh pihak colonial masih lagi dibincangkan dalam beberapa siri konvensyen khususnya yang melibatkan isu persempadanan wilayah sebagaimana pada tahun 2002.

Seterusnya kajian berkaitan Sejarah Awal Pulau Sebatik banyak memaparkan akan kedatangan orang Tidunglah sebagai pemula penghuni atau ‘pembuka kawasan’ di sini. Kajian ini didasari oleh kedudukan kawasan Pulau Sebatik yang berhampiran dengan Pulau Tarakan yang juga merupakan tempat asal orang Tidung. Namun, setelah meneliti beberapa kajian oleh sejarawan lain, penyelidik berpendapat bahawa Pulau Sebatik, Malaysia sebenarnya dimulai oleh orang Bugis yang telah bermigrasi dari kawasan Indonesia ekoran desakan hidup di seberang, di samping faktor peristiwa Konfrontasi lalu. Hakikatnya, inilah yang dijelaskan dalam kajian penyelidik sendiri. Kini komposisi penduduk di sini lebih dominan dipenuhi oleh orang Bugis, sehingga memenuhi kawasan Sebatik, Indonesia.

Seterusnya dalam tema Pentadbiran dan Perkembangan Sosioekonomi Pulau Sebatik, Malaysia, kajian lepas masih belum mencukupi bagi merungkai sistem sosioekonomi di pulau yang terpinggir ini. Didapati banyak kajian yang lebih menonjolkan perkembangan yang berlaku di Pulau Sebatik, Indonesia khususnya oleh





sejarawan mereka sendiri dan terdapat juga kajian yang mengutarakan bahawa, kemajuan yang dialami oleh penduduk Sebatik, Indonesia sebenarnya datangnya daripada sumber yang terdapat di Pulau Sebatik, Malaysia. Oleh itu, dalam bab tiga dan empat kajian ini, penyelidik memaparkan akan kajian yang melengkapkan kajian sebelum ini dengan mengetengahkan dapatan bahawa sememangnya Pulau Sebatik, Malaysia dijadikan sebagai sumber untuk mendasari perkembangan yang berlaku di Sebatik, Indonesia

Sebaliknya, secara tidak langsung memperlihatkan kemunduran yang dialami oleh masyarakat yang berada di kawasan sempadan khususnya wilayah Malaysia. Maka, kajian yang lebih menyeluruh akan kesan pendudukan Barat di Pulau Sebatik suatu ketika dahulu dapat mengetengahkan kesan-kesan yang wujud pada hari ini dengan melakukan satu kajian baharu berkaitan Pulau Sebatik, Malaysia dan Indonesia. Oleh itu, dalam tema hubungan Malaysia dan Indonesia, kajian ini menutup lompang lompang yang ada pada kajian lepas. Jika ingin melihat Pembangunan yang mapan di Pulau Sebatik, Malaysia, seharusnya pihak berkuasa tempatan perlu memberhentikan terlebih dahulu isu-isu ekonomi yang belaku di perbatasan, dengan membina satu sistem ekonomi pusat seperti pembinaan Bandar Sempadan agar Pulau Sebatik, Malaysia tidak sekadar dijadikan pulau penghubung yang terus mundur, sebaliknya mampu berdiri dan membangun menjadi pusat ekonomi di Sabah khususnya, dan di Malaysia amnya.





1.11 Definisi Istilah

Dalam penyelidikan ini, terdapat penggunaan beberapa istilah penting yang memainkan peranan dalam menjelaskan tajuk penyelidikan dan sering digunakan dalam membincangkan kajian ini. Istilah tersebut adalah seperti sosioekonomi.

1.11.1 Sosioekonomi

Sosioekonomi merupakan suatu konsep yang digunakan untuk menggambarkan, mengukur atau mengelompokkan individu mahupun keluarga berdasarkan posisi sosial dan kemampuan ekonominya. Penggunaan istilah sosioekonomi sering dikaitkan dengan status masyarakat dari segi pendapatan dan kemajuan sosial serta pembangunan ekonomi yang akan menjamin kesejahteraan masyarakat di tempat tersebut. Perkara ini selari dengan pendapat Abdul Rahman Embong yang merumuskan bahawa bermula tahun 1990, *United Nations Development Programme* (UNDP) telah memperkenalkan tiga konsep pembangunan yang bermatlamat mewujudkan kesejahteraan dan mempertingkatkan martabat manusia. Ketiga-tiga konsep itu adalah, mengutamakan pekerjaan dan pendapatan, kemudahan memperoleh perkhidmatan kesihatan dan kemudahan dalam menikmati pendidikan.²⁷

Walau bagaimanapun, konsep ini tidak selari dengan dapatan yang ditemui di Pulau Sebatik, Malaysia berikutan pembangunan sosial dan kemajuan ekonomi

²⁷ Abdul Rahman Embong. *Syarahan Perdana: Pembangunan Dan Kesejahteraan, Agenda Kemanusiaan Abad ke-21*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.2005.hlm.56.





Masyarakat di sini masih belum mencukupi. Keadaan ini dapat dibuktikan berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Mohammad Faizal dan Ramli, mengenai Pembangunan Masyarakat Sebatik. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat lima isu utama berkenaan Pembangunan sosial yang kerap kali dibangkitkan oleh penduduk tempatan di sini iaitu isu perkhidmatan air, pendidikan, kesihatan dan sistem telekomunikasi serta sistem pengangkutan.²⁸ Oleh yang demikian, penggunaan istilah sosioekonomi dalam kajian ini bagi menggambarkan tahap perkembangan pembangunan sosial dan kemajuan aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh penduduk tempatan.

1.12 Pembahagian Bab



1.12.1 Bab 1

Melalui penulisan kajian in, pengkaji akan membuat pembahagian kepada enam bab yang utama. Bab pertama merupakan bahagian pengenalan yang akan menyentuh secara ringkas tentang tajuk kajian yang dipilih, latar belakang dan tujuan kajian, permasalahan kajian, tujuan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, ulasan kajian terdahulu serta metodologi kajian berkaitan Perkembangan Pulau Sebatik (Malaysia) Selepas Perjanjian London 1824 sehingga 1990.

²⁸ Mohammad Faizal Rashid dan Ramli Dolah. Memaknai Kesejahteraan Pembangunan Sosial Masyarakat Pulau Sebatik dari Sudut Pandang Every Day Defined. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia -Indonesia Ke-7*. Universiti Malaya. 22-24 Oktober.hlm.57.





1.12.2 Bab 2

Kemudian bab kedua pula akan membincangkan sejarah dan latar belakang Pulau Sebatik yang mengetengahkan tentang latar belakang Pulau Sebatik wilayah Malaysia dengan Pulau Sebatik wilayah Indonesia. Bab ini juga membincangkan akan faktor yang membawa kepada termeterainya sebuah perjanjian di antara dua kuasa kolonial pada abad ke-19 ketika itu iaitu pihak British dan Belanda. Perincian tentang inti pati Perjanjian London yang dimeterai oleh dua kuasa kolonial ini dibincangkan dengan lebih mendalam agar kajian yang diketengahkan ini dapat memberi gambaran yang jelas akan kesan perjanjian berkenaan terhadap masyarakat di Pulau Sebatik sehinggalah pada hari ini khususnya masyarakat yang menetap di bahagian utara.



1.12.3 Bab 3

Seterusnya bab ketiga pula mengkaji tentang perkembangan Pulau Sebatik merangkumi tahun 1824 sehingga tahun 1963. Penghuraian tentang kesan Perjanjian London 1824 yang telah dimeterai oleh pihak British dan Belanda semasa era penjajahan juga digarapkan sebagai perkaitan isu pembahagian Pulau Sebatik pada abad ke-19. Kemudian penyelidik juga mengutarakan kronologi peristiwa yang membawa kepada pentadbiran di Sabah oleh pihak Syarikat British Borneo Utara (SBBU) bermula tahun 1881 sehingga tahun 1941. Turut dibincangkan akan pentadbiran zaman pendudukan pihak Jepun di Sabah khususnya pada tahun 1941 hingga tahun 1945 bagi melihat sejauh mana perkembangan daerah Sabah yang di dalamnya terletak Pulau Sebatik (bahagian utara). Kemudian disambung dengan kronologi peristiwa penubuhan





Malaysia bermula tahun 1945 dengan menyentuh skop perbincangan berkaitan penggabungan Sabah pada tahun 1963. Olahan kajian bab ini seterusnya akan menjadi kesinambungan kajian bab yang akan dijelaskan pada bab empat.

1.12.4 Bab 4

Manakala bab keempat pula, penyelidik akan membincangkan tentang perkembangan sosioekonomi Pulau Sebatik, Malaysia bermula selepas Sabah menyertai Malaysia iaitu tahun 1963 sehingga tahun 1990. Perkembangan sosioekonomi yang ditonjolkan adalah sejauh mana ekonomi dan sosial Pulau Sebatik wilayah Malaysia mengalami kemajuan dan pembangunan yang sama seiring dengan perkembangan yang berlaku di kawasan lain bahagian Malaysia mahupun di pulau yang sama, iaitu Pulau Sebatik wilayah Indonesia (bahagian selatan). Terdapat juga satu skop perbincangan berkaitan aktiviti ekonomi yang dikelolakan oleh *North Borneo Timber* (NBT) di sini. Di samping membincangkan perkembangan kemudahan asas, sistem pendidikan, keselamatan dan kesihatan serta pengangkutan dan perhubungan bagi melihat kemajuan sosial yang diterima oleh penduduk setempat.

1.12.5 Bab 5

Sebelum penutup, pada bab 5 kajian ini juga akan menganalisis cabaran yang wujud di kawasan Pulau Sebatik, wilayah Malaysia ekoran hubungan yang terjalin diantara dua negara yang menjadi pemilik kepada sebuah pulau iaitu negara Malaysia dan Indonesia.





Kupasan caaran yang timbul ketika berlakunya Konfrontasi (1963) yang melibatkan negara Malaysia dengan Indonesia, dan ini adalah salah satu tempat yang dijadikan kawasan pertempuran barisan pertahanan negara antara kedua-dua negara berkenaan. Selain itu, penyelidik turut memaparkan cabaran ekonomi yang melibatkan kawasan perbatasan seperti isu Pas Lintas Batas dan Sosek Malindo yang melibatkan negara Indonesia dan Malaysia dalam memasuki fasa kemerdekaan. Cabaran yang dihadapi oleh Pulau Sebatik, Malaysia dilihat datangnya daripada kedudukannya yang bersempadan dengan negara luar, Indonesia mengakibatkan banyak masalah sempadan yang wujud dan dibincangkan dengan lebih mendalam.

1.12.6 Bab 6



Akhir sekali, bab keenam yang akan merumuskan tentang keseluruhan hasil dapatan kajian dalam tempoh masa yang telah dipilih oleh penyelidik. Bab ini juga merupakan penilaian penting terhadap tujuan kajian dibuat agar dapat memberi gambaran yang jelas dan tepat akan objektif kajian sejarah perkembangan masyarakat di Pulau Sebatik (Malaysia) selepas Perjanjian London 1824 sehinggalah tahun 1990. Keadaan ini sekali gus menjawab setiap inci permasalahan, persoalan kajian serta objektif kajian yang ditonjolkan dalam kajian ini. Dengan meneliti perkembangan yang berlaku dalam kalangan masyarakat di Pulau Sebatik (Malaysia) ini, dapat dirumuskan bahawa Perjanjian London yang dimeterai pada tahun 1824 sebenarnya memberi kesan yang besar terhadap masyarakat yang terlibat. Situasi ini wujud ekoran pembahagian wilayah yang mengakibatkan wujudnya Masyarakat sempadan yang hakikatnya sangat sukar





untuk dimajukan oleh pihak berkuasa setempat disebabkan oleh kedudukannya yang berada di perbatasan.

1.13 Penutup

Berdasarkan perbincangan dan olahan idea yang digarapkan oleh penyelidik dalam kajian cadangan penyelidikan ini, dapat dirangkumkan bahawa masyarakat Pulau Sebatik sememangnya mengalami perkembangan setelah negara Indonesia dan Malaysia merdeka, sama ada dari segi aspek politik, ekonomi mahupun sosial. Tidak dapat dinafikan, terdapat banyak kajian yang telah dijalankan ke atas Pulau Sebatik, sama ada kajian daripada penyelidik Malaysia mahupun penyelidik Indonesia yang ingin merungkai setiap implikasi yang wujud berikutan perjanjian pihak British dengan Belanda pada tahun 1824 yang mengambil langkah membahagikan satu pulau menjadi dua kawasan, banyak memberi kesan khususnya dari segi perkembangan penduduk di pulau ini bermula abad ke-20.

Dalam penelitian awal penyelidik, kemajuan serta pembangunan dari aspek politik, ekonomi dan sosial Pulau Sebatik, Malaysia masih belum mencapai peningkatan yang membanggakan di kawasan ini walaupun telah memasuki abad ke-21. Faktor kebolehcapaian dana dan sumbangan ke pulau ini merupakan isu yang dominan untuk diselesaikan memandangkan pulau ini dianggap kurang berkepentingan terhadap perkembangan masyarakat sekitarnya. Oleh yang demikian, diharapkan kajian berkaitan sejarah perkembangan masyarakat di kawasan perbatasan ini mampu membuka mata masyarakat dan pemimpin negara agar cakna akan pembangunan yang





perlu dilaksanakan di kawasan berkaitan seiring dengan beberapa kawasan perbatasan lain seperti di utara dan selatan Malaysia.

